



KENYATAAN SEBUT HARGA
JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI IBU PEJABAT PUTRAJAYA

Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :

No. Sebut Harga	Butir-Butir Sebut Harga	Kelas Pendaftaran	Tarikh & Tempat Taklimat/Lawatan Tapak	Dokumen Sebut Harga	Tarikh dan Masa Peti Tawaran Ditutup
SH/K/001/2026	KERJA-KERJA BAIKPULIH KUARTERS BLOK A JAKOA UNIT LOGISTIK DAN KERJA BERKAITAN DI PEJABAT UNIT LOGISTIK, GOMBAK, SELANGOR	CIDB : Gred G2 (Negeri Selangor) Kategori : B & CE Pengkhususan : B04 & CE21 (Kerja-kerja Pembinaan Bangunan & Pembinaan Kejuruteraan Awam)	18 Jun 2026 (Khamis) Pengambilan nombor & Pendaftaran: 10.00 Pagi - 11.00 Pagi Pendaftaran Tutup: 11.00 Pagi Taklimat bermula: 11.15 Pagi (Pendaftaran/ Taklimat Dan Lawatan Tapak Di Bilik Mesyuarat Unit Logistik Gombak, KM 24 Jalan Pahang Lama 53100, Gombak Selangor Telefon: 03-61892117 (UNIT LOGISTIK GOMBAK)	Dokumen Sebut Harga akan diedarkan selepas sesi TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK kepada kontraktor yang HADIR sahaja. *TUAN/PUAN DIMOHON UNTUK MEMBAWA PENDRIVE BAGI MENGAMBIL BORANG TERSEBUT.	25 Jun 2026 (Khamis) Jam: 12.00 Tengah Hari

Arahan dan Syarat-syarat Menyertai Sebut Harga :

- Hanya **PENAMA** yang tercatat dalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat sebut harga. Kontraktor/Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakili pegawai selain dari penama sijil tersebut. **SURAT WAKIL TIDAK AKAN DITERIMA SAMA SEKALI**. Kegagalan tuan/puan menyertai taklimat tersebut menyebabkan penyertaan tuan/puan akan **DITOLAK**. Kontraktor/syarikat adalah digalakkan untuk turut sama menyertai lawatan tapak selepas taklimat diadakan.
 - Untuk maksud ini kontraktor/ syarikat hendaklah membawa bersama **SIJIL ASAL DAN SALINAN** bagi :-
 - Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (PKK) ;
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) ;
 - Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB).
 - Penyebutharga adalah diingatkan supaya mencatat dengan jelas harga yang ditawarkan di ruangan yang disediakan.
 - Dokumen sebutharga yang **LEWAT** tidak akan dipertimbangkan. Dokumen sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor sebutharga **SH/K/001/2026** di sebelah atas kiri dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di :
- JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)**
Aras 9, Blok A, Bangunan Suasana PjH
Lot 2C5, Presint 2, Jalan Tun Abdul Razak
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 WP PUTRAJAYA
- Jika dokumen sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan **POS BERDAFTAR/ KURIER**, kontraktor hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul **12.00 tengah hari 25/06/2026 (Khamis)**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Bil.	Nama Pegawai	No. Telefon	E-mel	Bahagian
2	Encik Norazri Bin Abd Wahid	013-8999566	norazri@jako.gov.my	Pengurus, Unit Logistik JAKOA Gombak
1	Puan Noor Azlin binti Hamat Kamel	010-9884828	noorazlin@jako.gov.my	Unit Logistik JAKOA Gombak

*Tarikh Iklan : 15 Jun 2026 (Isnin)


Mohd Khairil Bin Mahasan
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Kemajuan Orang Asli